


BERITA HARIAN

DATE: 07/08/2007

# Modal insan berkesan tangani kes kemiskinan

BH- 7/8/2007

Mutu pendidikan rakyat negara LID tingkat kemajuan: Syed Hamid



Oleh Azmi Md Deros,  
Abdul Halim Yusof  
dan Zainab Mohd Yatim

**L**ANGKAWI: Negara peserta Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007 bersependapat pembangunan modal insan dan pembinaan keupayaan yang berterusan dan terancang paling berkesan untuk

**“**Kita juga mengakui LID sudah berjaya membawa banyak perubahan dalam meningkatkan kemajuan negara masing-masing”

**Syed Hamid Albar**  
Menteri Luar

membasmi kes kemiskinan masing-masing.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pembangunan modal insan yang membawa kepada peningkatan tahap pendidikan generasi muda dilihat berupaya menyumbang kepada kemajuan negara.

“Ia boleh digunakan untuk mendapatkan pekerjaan dan sebarang pendekatan yang mampu memajukan kedudukan diri.

“Kita juga mengakui LID sudah berjaya membawa banyak perubahan dalam meningkatkan kemajuan negara masing-masing, khususnya melalui dialog yang disertai oleh kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan akademik yang menyumbangkan banyak idea kon-

krit untuk dilaksanakan,” katanya ketika ditemui selepas menghadiri dialog bertemakan Menghapuskan Kemiskinan Melalui Pembangunan Modal Insan, pada hari kedua LID semalam.

Beliau berharap negara peserta menggunakan idea atau pendekatan yang dikongsi bersama untuk mengubah nasib dan masa depan masyarakat miskin.

Sambil menyifatkan maklum balas dan komitmen yang ditunjukkan wakil negara peserta tinggi, beliau berkata, Malaysia yakin dialog kali ini akan membawa perubahan ketara kerana setiap perbincangan akan didokumenkan menjadi satu hala tuju supaya setiap sasaran lebih mudah dicapai.